

Newspaper	Sinar Harian
Date	30 August 2015

Itu suara kebangkitan rakyat: Tun M

Sinar Harian - 30/8/2015

PASIR GUDANG - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan perhimpunan Bersih 4.0 yang diadakan di Kuala Lumpur semalam, merupakan suara kebangkitan rakyat terhadap situasi yang dialami negara kini.

Tegasnya, beliau tidak menyokong penganjuran Bersih 4.0, namun sebaliknya bersetuju dengan kebangkitan kuasa rakyat.

Terdahulu dalam ucapannya, bekas Perdana Menteri keempat itu juga menegaskan, beliau tidak gemar tindakan tunjuk perasaan, namun menyifatkan dalam keadaan kini ia antara saluran yang ada buat rakyat.

"Kalau tidak ada pencabulan sistem undang-undang negara, kita tidak perlu kepada kuasa rakyat, kerana tidak ada sebab untuk tunjuk kuasa ini.

"Kita tidak mahu seperti ini, kita mahu seperti diizinkan oleh undang-undang dan Perlembagaan, tetapi ia tidak ada lagi, sebab itu rakyat mesti tunjuk, kuasa rakyat (people's voice)," katanya pada pemberita selepas menghadiri Majlis Bicara negarawan Bertema Malaysia Hari Ini: Ke Mana Kita?, anjuran Yayasan Pengurusan



Dr Mahathir menyifatkan perhimpunan Bersih 4.0 yang diadakan di Kuala Lumpur merupakan suara kebangkitan rakyat mengenai situasi kepimpinan negara sekarang.

Ilmu bersama Kelab Che Det Malaysia di Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), di sini.

Dr Mahathir turut mengambil contoh kuasa rakyat yang berjaya dilakukan ketika pemerintahan bekas Presiden Filipina, Ferdinand Marcos, telah digulingkan oleh kuasa rakyat suatu ketika dahulu.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir mengulas mengenai tawaran pembangkang yang menyatakan kesediaan menghulurkan bantuan kepada ahli Parlimen BN untuk menyingkirkan kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menerusi undi tidak percaya, namun bersyarat.

"Ada syarat tidak bolehlah,

hakikatnya hendak singkir Najib sahaja. Kerajaan BN masih majoriti.

"Kerajaan BN masih lagi menjadi kerajaan dan perlu pilih pemimpin baharu, rakyat tidak ada masalah dengan BN sebaliknya Najib," katanya.

Kelmarin, Penasihat DAP, Lim Kit Siang sedia menawarkan bantuan kepada BN untuk membentuk majoriti bagi menyingkirkan

kerajaan pimpinan Najib dengan syarat membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan semua tahanan politik.

Terdahulunya dalam ucapannya, Dr Mahathir turut menyeru kepada pemimpin Umno supaya memperjuangkan nasib rakyat dan bukannya berkepentingan sendiri atau mempertahankan individu.

"Saya seru kepada wakil rakyat kembali ke pangkal jalan, kerana telah sesat sebab wang.

"Ini bukan pejuang yang diharapkan oleh rakyat yang memilih kamu. Rakyat pilih kamu untuk mempertahankan nasib rakyat, tapi bila dapat duit, kita terima orang derma," katanya.

Beliau menyifatkan pemimpin yang mengutamakan duit ini tidak mempunyai maruah dan meminta mereka menilai kembali perjuangan Umno sebagai parti yang selama ini telah membela agama, bangsa dan negara.

Dr Mahathir juga mengulas mengenai kenyataan bangsat kepada rakyat yang tidak mengundi Umno yang disifatkan tidak seharusnya diucapkan oleh mana-mana pemimpin.